

BAB IV

PENGARUH ISLAM TERHADAP KERAJAAN MELAYU DELI

4.1. PENGARUH ISLAM TERHADAP AGAMA

Kedatangan Islam di daerah Sumatera telah banyak memberikan perubahan terhadap sistem kehidupan masyarakat tempatan, terutama dalam bidang keagamaan. Di mana pada awalnya suku bangsa Melayu dipengaruhi oleh fahaman *Animisme* dan *Dinamisme*, iaitu pemujaan terhadap roh-roh atau benda-benda ganjil yang dianggap keramat dan memiliki kekuasaan ghaib yang luar biasa.

Dalam fahaman ini masyarakat Melayu berpegang kepada empat perkara yang dianggap sebagai pegangan hidup, iaitu:²³³

1. Semua yang ada dalam dunia ini, mempunyai “daya hidup” yang wujudnya serupa dengan manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan.
2. Makhluk-makhluk yang sudah mati, rohnya akan mempengaruhi manusia yang masih hidup. Oleh itu roh tersebut harus dipuja supaya tidak menimbulkan keburukan.

²³³ Admansyah (t.t), *Peranan Budaya Melayu Sebagai Sub Kultur Kebudayaan Nasional*, op. cit, h. 44

3. Selain daripada mempunyai roh manusia juga mempunyai semangat, kerana semangat dianggap merupakan suatu makhluk yang sangat halus yang berada didalam tubuh manusia.
4. Dewa-dewa, jin, pohon-pohon besar dan alam ghaib dapat mempengaruhi kehidupan manusia.

Demikianlah kepercayaan bangsa Melayu sebelum kedatangan Islam di daerah ini, walaupun dengan kedatangan agama Hindu dan Buddha namun mereka tetap tidak meninggalkan kepercayaan tersebut. Bahkan ada di antara mereka yang masih mengekalkan warisan fahaman tersebut setelah agama Islam berkembang dengan pesatnya di daerah ini. Kepercayaan ini masih terus diamalkan dalam adat istiadat mereka, walupun ianya bercanggah dengan ajaran Islam.

Agama Hindu telah diperkenalkan di Indonesia pada permulaan abad pertama Masihi, di mana orang-orang India yang beragama Hindu telah memperkenalkan kebudayaan tersebut ke wilayah ini melalui Selat Melaka yang merupakan wilayah penting sejak zaman Purba lagi sebagai urat nadi lalu lintas dari Timur ke Barat.²³⁴ Setelah beberapa kurun lamanya agama ini berkembang di Nusantara, akhirnya menjadi lemah terutama setelah masuknya agama Islam di seluruh Nusantara.

²³⁴ Lukman Sinar (1986), *Sari Sejarah Serdang*, *op. cit.*, h. 2

Pulau Sumatera adalah daerah yang pertama sekali menerima kedatangan Islam di seluruh Nusantara. Melalui para pedagang Arab, Gujerat dan Parsi, Islam telah berkembang dengan pesatnya di rantau itu. Degan kedatangan Islam ke daerah ini secara sendirinya pengaruh agama yang sedia ada menjadi tersisih dan semakin lama menjadi semakin lemah kerana masyarakat Melayu telah mengalihkan perhatian mereka kepada agama Islam.

Masyarakat Melayu Sumatera sudah mulai menganut agama Islam sekitar tahun 1200 M, iaitu bersamaan dengan masuknya Islam di Pasai Aceh.²³⁵ Hal ini menunjukkan bahawa kedatangan Islam secara langsung dapat diterima masyarakat Melayu Sumatera Timur tanpa ada sebarang bantahan. Ini membawa maksud Islam datang ke rantau ini bukan melalui paksaan, seperti apa yang berlaku di Samarqand, India, Andalus dan sebagainya, dimana agama Islam masuk ke wilayah-wilayah tersebut terpaksa melalui peperangan, kerana pada awalnya kedatangan Islam ditolak oleh masyarakat dan penguasa tempatan.

Jika diperhatikan perjalanan sejarah mengapa Islam begitu mudah masuk ke Nusantara, adalah disebabkan sebelum masuknya Islam ke daerah ini, adat istiadat dan budaya masyarakat Melayu hampir sama dengan kaedah-kaedah ajaran agama Islam. Adat istiadat yang bersifat terbuka, iaitu menempatkan sesuatu persoalan sesuai dengan kedudukan yang sebenarnya. Sehingga yang

²³⁵ Admansyah (t.t), *Butir-Butir Sejarah Suku Melayu Pesisir Sumatera Timur*, op. cit, h. 105

benar tetap benar dan yang salah tetap salah, semua ini adalah bersesuaian dan sama dengan ajaran Islam.²³⁶

Kenyataan di atas adalah salah satu penyebab utama agama Islam dapat diterima dengan mudah oleh bangsa Melayu. Oleh sebab itu Islam menjadi sesuai dengan kehidupan masyarakat Melayu, sehingga lahirlah satu pepatah Melayu yang mengatakan “ *Masuk Islam adalah masuk Melayu dan masuk Melayu adalah masuk Islam* ”²³⁷ Pepatah ini bukan sekadar diucapkan di mulut sahaja, tetapi telah menjadi kenyataan kerana pada umumnya seluruh masyarakat Melayu adalah beragama Islam.²³⁸ Ini merupakan suatu bukti yang nyata betapa besarnya pengaruh Islam terhadap pemahaman aqidah atau agama bagi masyarakat Melayu.

Agama Islam dijadikan sebagai pegangan hidup masyarakat Melayu, hukum Islam secara keseluruhannya telah diambil sebagai hukum masyarakat Melayu. Namun demikian tidak dapat pula dinafikan bahawa di dalam adat istiadat masyarakat Melayu masih terdapat kesan-kesan pengaruh kepercayaan nenek moyang dan fahaman Hindu dan Buddha, seperti pemujaan terhadap benda-benda ghaib yang dianggap mempunyai kuasa luar biasa seperti pembakaran kemenyan semasa upacara mengenang arwah nenek moyang. Semua ini adalah tradisi kuno yang masih diamalkan sebahagian masyarakat Melayu.

²³⁶ *Ibid*

²³⁷ Lah Husni (t.t), *Butir-butir Adat Budaya Melayu Pesisir Sumatera Timur*, *op. cit.*, h. 34

²³⁸ Admansyah (t.t), *op. cit.*, h. 105

Dalam perkembangan Islam dari zaman ke zaman kerajaan Melayu Deli tetap memelihara kemurnian Islam sebagai agama dan aqidah yang rasmi, tanpa dapat dipengaruhi oleh kuasa-kuasa luar yang ingin memisahkan mereka dengan agama tersebut. Seperti halnya dakwah Kristian yang didalangi oleh penjajahan Belanda yang bertapak selama beberapa kurun di Nusantara, namun usaha penjajah tersebut tidak mendapat sambutan dari masyarakat tempatan, kerana pengaruh Islam terhadap kerajaan Melayu Deli serta masyarakat Melayu sangat kuat, sehingga tertanam rasa fanatik yang luar biasa terhadap Islam.

Dari fakta diatas dapat diambil kesimpulan bahawa ada dua faktor yang menyebabkan kerajaan ini tetap berpegang terhadap dasar dan prinsip-prinsip Islam tanpa dapat dipengaruhi unsur-unsur lain. Kedua-dua faktor tersebut adalah seperti berikut:

1. Kerana pengaruh Hindu Buddha terhadap masyarakat Melayu Deli tidak begitu ketara dan berkesan jika dibandingkan dengan daerah Jawa dan lain-lain daerah di Nusantara.
2. Kerana agama Kristian tidak sempat bertapak dalam kerajaan tersebut, sebab tidak mendapat sambutan dari kalangan suku Melayu sejak dari penjajahan Portugis sampai kepada Belanda.

Pada zaman penjajahan Belanda pernah dicadangkan untuk mendirikan sebuah Gereja di dalam wilayah kerajaan Deli, tetapi rancangan ini mendapat

bantahan dari pihak Kesultanan Deli, sehingga hasrat ini tidak terlaksana. Dalam pada itu satu utusan "*Missionari Rhgeische Mission*" dari Barmen Jerman, Lodwig I Nomensen (1834-1918) sebagai ketua Zending di daerah Batak Karo pendalaman Sumatera, hanya diizinkan melawat sahaja ke Medan ibu negeri kerajaan Deli, kerana tidak mendapat sambutan untuk singgah di daerah itu.²³⁹ Hal ini menjadi bukti betapa kuatnya pengaruh Islam di daerah tersebut.

Oleh kerana itu dapat dilihat bahawa perkembangan agama Kristian di Sumatera Utara hanya didapati di daerah-daerah pendalaman Sumatera dan ianya lebih berpengaruh dikalangan masyarakat pedalaman yang pada asasnya belum mengenal agama Islam lagi. Secara amnya yang menganut agama Kristian adalah suku bangsa Batak dan Karo sementara penduduk Melayu adalah sebagai penganut agama Islam. Ini disebabkan kerana misi Kristian hanya dapat dikembangkan di daerah tersebut.

Pada zaman pemerintahan Kesultanan Deli perbezaan antara masyarakat Melayu atau Islam dengan masyarakat Batak sangat ketara, hal ini bukan sahaja disebabkan oleh perbezaan agama, akan tetapi kerana kedudukan mereka yang berasingan, sebahagian besar masyarakat Melayu tinggal di daerah pesisir Pantai dengan status kehidupan yang sangat mudah, kerana daerah tersebut berdekatan dengan Bandar dan pelabuhan. Sementara masyarakat Batak dan Karo bermukim di daerah-daerah pegunungan yang jauh dari pusat Bandar yang menjadikan kehidupan mereka kasar dan agak terkebelakang.

²³⁹ MUI (1982), *op. cit.*, h. 74

4.2. PENGARUH ISLAM TERHADAP SISTEM PEMERINTAHAN

Selain daripada kerajaan Aceh, di Sumatera telah terdapat pula beberapa buah kerajaan Islam lain seperti Kerajaan Haru atau Deli. Kedatangan Islam di wilayah kerajaan ini dijangka bersamaan dengan datangnya Islam di negeri Pasai Aceh, iaitu sekitar abad ke-13 Masihi.²⁴⁰ Setelah agama Islam berkembang di rantau Sumatera, maka perubahan demi perubahan telah berlaku keatas kerajaan ini, terutama dari aspek agama dan sitem pemerintahan.

Pada dasarnya sistem pemerintahan Haru adalah berbentuk *konfederasi*, iaitu persyarikatan beberapa badan negeri atau daerah dalam menjalankan satu usaha secara bersama, dengan ketentuan setiap anggotanya bebas dalam menjalankan *organisasinya* masing-masing. Setiap negeri yang terdapat di dalam wilayah kerajaan tersebut adalah merupakan negara bahagian yang diketuai oleh raja setempat secara turun-temurun, sedangkan yang menjadi pusat pemerintahannya berkedudukan pada raja yang paling tua di antara raja-raja yang ada. Bagi pemegang kedudukan ini disebut sebagai Pandewa Lima.²⁴¹

Sistem seperti ini berjalan selama beberapa dekad lamanya, akan tetapi setelah kedatangan Islam ke wilayah tersebut, ianya bertukar kepada sistem pemerintahan Islam dengan memperkenalkan sitem Kesultanan yang ditiru dari sistem pemerintahan Islam terdahulu. Menurut keterangan China dalam abad ke

²⁴⁰ Lukman Sinar (1986), *Sari Sejarah Serdang*, *op. cit.* h. 2

²⁴¹ Adnmansyah (t.t), *op. cit.* h. 20

15 M pemerintahan Haru telah berubah kepada sistem pemerintahan Islam, yang pada waktu itu diperintah oleh seorang sultan yang bernama Sultan Husein. Dimasa pemerintahannya, Sultan Husein pernah mengirim satu utusan ke Tiongkok untuk mempererat hubungannya dengan Kaisar Yung Lo di China.²⁴²

Sebagai tindak balas perutusan ini Kaisar China telah mengutus Laksamana Cheng Ho dalam tahun 1412 untuk mengunjungi negeri-negeri di Nusantara, terutamanya kerajaan Haru. Tapi sayang sekali kerana pada waktu itu Sultan Husein telah mangkat dan digantikan oleh puteranya Tuanku Sultan Alamsyah. Walaupun ayahandanya telah mangkat namun Sultan Alamsyah meneruskan hubungannya dengan Kaisar China dengan mengirinkan beberapa utusan ke Tiongkok berturut-turut antara tahun 1419 sampai tahun 1423 M.²⁴³

Selepas kejatuhan Haru dalam abad ke 17 Masihi, sebuah kerajaan baru yang dikenali sebagai kerajaan Melayu Deli di bawah pimpinan Seri Paduka Gocah Pahlawan Laksamana Kuda Bintang sekitar 1612 M.²⁴⁴ Setelah tertegaknya kerajaan Deli, pengaruh Islam dapat dilihat semakin kuat dan semakin meluas, bukan terbatas kepada bidang aqidah sahaja, tetapi juga meluas kepada pelaksanaan hukum-hukum Islam yang berkaitan dengan kehidupan sehari-hari.

²⁴² Lukman Sinar (1986), *Sari Sejarah Serang 2*, *op. cit.*, h. 5

²⁴³ *Ibid*

²⁴⁴ Lah Husni (t.t), *Lintasan Sejarah Peradaban Suku-Suku Sumatera Timur*, *op. cit.*,h. 36

Syari'at Islam benar-benar dilaksanakan demi untuk menegakkan yang hak dan menghapuskan kebatilan.²⁴⁵

Walaupun Deli ketika itu masih dalam penguasaan Aceh, tetapi pemerintahannya tidak segan silu melancarkan bantahan terhadap pentadbiran kerajaan Aceh yang membolehkan wanita sebagai pemimpin Negara itu, kerana pelantikan wanita sebagai ketua Negara adalah salah menurut perundangan Islam. Peristiwa ini berlaku berikutan pelantikan Sultanah Tajul Alam Shafiatuddin Syah Zillullah Fil Alam sebagai sultan selepas kemangkatan Sultan Iskandar Thani tahun 1614 M bersamaan dengan 1050 H.²⁴⁶

Bagi kerajaan Melayu Deli, kedudukan sultan bukan sahaja sebagai ketua pemerintahan atau ketua adat, akan tetapi juga sebagai pemimpin agama Islam atau Ulul Amri atau Khalifatullah.²⁴⁷ Oleh kerana kedudukan sultan sebagai ketua pemerintahan dan agama, maka ianya didampingi oleh seorang ulama yang terkemuka di dalam negerinya yang bertindak sebagai Qadi atau Mufti serta penasihat bagi sultan. Diantara Mufti kerajaan Deli yang tersohor adalah Syaikh Hasan Maasum. Beliau dianugerai gelaran “Imam Paduka Tuan” oleh Sultan Amaludin Thani Alam Syah.²⁴⁸

²⁴⁵ Wawancara Dengan Bapak Jimmi, *op. cit*

²⁴⁶ Lah Husni (t.t), *Lintasan Sejarah Peradaban Suku-Suku Sumatera Timur*, *op. cit*, h. 45

²⁴⁷ Lukman Sinar (1986), *Sari Sejarah Serdang 2*, *op. cit*, h. 37

²⁴⁸ Meuraxa (1973), *Sejarah Kebudayaan Suku-Suku Di Sumatera Utara*, *op. cit*, h. 158

Dalam sistem pemerintahan Deli, sultan adalah sebagai pemimpin tertinggi yang merangkap sebagai pemimpin agama dan ketua adat di seluruh wilayah kerajaannya. Dasar asas sultan dan para pembesar dalam memerintah adalah sebagai *mandataris* atau pemegang amanah yang dipertanggungjawabkan terhadap Allah, terhadap rakyat yang diperintahnya, sama ada mengenai masalah keagamaan, budi pekerti, akhlak mahupun masalah kecerdasan.

Kerajaan Deli adalah sebuah kerajaan Islam yang bermazhab Syafie. Yang mengutamakan muafakat dalam menjalankan pemerintahan sehari-hari. Dalam konsep ini raja atau sultan dipandang sebagai "*Zillullah Fil Ard*", iaitu sebagai wakil tuhan di dunia. Oleh kerana itu raja atau sultan mempunyai daulat selaku penguasa pemerintahan atau penguasa Islam dan penguasa adat. Dengan demikian maka pemberontakan terhadap raja atau sultan dianggap sebagai merosak pemerintahan Islam dan menderhaka terhadap pemerintah, seseorang yang menderhaka boleh dikenakan hukuman yang berat dari pihak yang berkuasa.²⁴⁹

Selaku pemerintahan Islam, rakyat juga diberikan hak untuk memprotes keatas kezaliman yang dilakukan oleh raja atau sultan. Perkara ini harus diterima dan didengarkan oleh pihak penguasa agar keadilan terhadap rakyat dapat terlaksana dengan baik. Cara seperti ini telah termaktub di dalam pepatah berikut "*Raja Adil Raja Disembah, Raja Zalim Raja Disanggah*".²⁵⁰ Pepatah ini

²⁴⁹ Lukman Sinar (2002), *Kebudayaan Melayu Sumatera Timur*, *op. cit.*, h. 18

²⁵⁰ *Ibid*

memperlihatkan bagaimana bangsa Melayu telah memperjuangkan hak asasi manusia yang merupakan asas bagi pemerintahan Islam.

Pada tahun 1823 M, John Anderson menyelenggarakan *Fact Finding Mission* bagi kepentingan Inggeris di Deli. Menurut beliau Sultan Deli adalah sangat berwibawa dan berdaulat di daerah Labuhan (Kampung Besar). Pengaruh *konstitusi* 1814, tidak nampak, iaitu perjanjian antara Inggeris dan Belanda dalam penguasaan Selat Melaka. Dalam perjanjian ini Inggeris tidak boleh mengganggu kepentingan Belanda di wilayah tersebut.²⁵¹

Menurut Anderson para Datuk Empat Suku juga mempunyai kuasa dan daulat keatas daerah pemerintahannya masing-masing.²⁵² Wilayah-wilayah yang termasuk kekuasaan Datuk Empat Suku itu ialah Urung XII Kota Hampan Perak, Urung Serbanyaman (Sunggal), Urung Sukapiring dan Urung Patumbak.²⁵³ Kedudukan Datuk Empat Suku pula adalah sebagai suatu lembaga yang berhak mengangkat seorang sultan di Kerajaan Melayu Deli.

Dalam keterangannya Anderson juga menyatakan bahawa jika sultan wafat dan belum ada penggantinya, maka yang berhak menjalankan semua fungsi kerajaan adalah Tuan Haji Cut dan Tuan Qadi. Pada masa itu beliau mendapati terdapat lima orang ulama yang mempunyai peranan penting dalam pemerintahan

²⁵¹ *Ibid.*, h. 97

²⁵² Timbul Sir (1980), *op. cit.*, h. 36

²⁵³ Lukman Sinar (1991), *Sejarah Medan Tempo Doeloe, op. cit.*, h. 33

kerajaan Melayu Deli. Ulama-ulama tersebut masing-masing mempunyai kedudukan seperti seorang Qadi selaku ketua, kemudian seorang Imam, Khalif, Bilal dan Penghulu Masjid atau Nazir.²⁵⁴

Untuk mengatur urusan pemerintahan Sultan Deli tidak bertindak sebagai seorang *diktator* atau seorang pemimpin *absolute*, akan tetapi beliau lebih kepada perbincangan dan permesyuaratan sesuai seperti yang dijalankan sesebuah pemerintahan Islam. Sultan sangat rapat dengan para pengetua agama dan adat, jika beliau ingin menyelesaikan permasalahan yang berkaitan dengan masalah agama, maka beliau perlu berbincang dengan para ulama dan jika masalah itu berkaitan dengan masalah adat, maka sultan perlu berbincang dengan lembaga adat seperti Datuk Empat Suku.²⁵⁵

Perlaksanaan seperti di atas sejalan dengan cirri-ciri pemerintahan Islam yang berasaskan kepada mesyuarat dan perbincangan bagi memecahkan suatu masalah, sebagaimana yang di telah jelaskan di dalam al-Quran sebagai berikut:

{ وَسَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ

الْمُتَوَكِّلِينَ }

Surah Ali Imran (3) ayat: 159

²⁵⁴ *Ibid*, h. 37

²⁵⁵ Amansyah (t.t), *Butir-Butir Sejarah Suku Melayu Pesisir Sumatera Timur*, op. cit, h. 158

Maksudnya:

“ Dan bermesuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan soal-soal keduniaan) itu, kemudian apabila engkau telah berazam (sudah bermesyuarat untuk membua sesuatu), maka bertawakkallah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakkal kepadanya.”²⁵⁶

Dalam ayat yang lain Allah Ta’ala berfirman:

{ وَأْمُرْهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ }

Surah al-Syūrā (42) ayat: 38

Maksudnya:

“Dalam urusan mereka dijalankan secara bermesuarat sesama mereka”²⁵⁷

²⁵⁶ Abdullah Bin Muhammad Basmi, *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, h. 132

²⁵⁷ *Ibid*, h. 1062

4.3. PENGARUH ISLAM TERHADAP SISTEM PERUNDANGAN

Dari sudut perundangan pula hukum Islam telah dijadikan sebagai hukum hidup dalam masyarakat Melayu Deli. Keputusan pengadilan dipengaruhi oleh hukum adat dan hukum Islam. Bagi masyarakat ini hukum adat adalah sangat penting, kerana dengan adanya hukum adat tersebut masyarakat Melayu dapat mengenal pantang larang di dalam kehidupan sehari-hari. Walau bagaimanapun hukum adat yang dilaksanakan pada kebiasaannya tidak boleh bercanggah dengan hukum Islam dan ianya haruslah mendapat persetujuan ketua adat setempat.

Jika seseorang ingin memperoleh sesuatu keputusan yang bersifat keagamaan, mereka perlu merujuk kepada Imam Masjid di situ yang akan memberi petunjuk kepada mereka. Jika mereka tidak berpuas hati dengan petunjuk imam, hal ini perlulah diajukan kepada sultan melalui ketua daerah. Jika permasalahan masih belum selesai maka perkara tersebut akan disampaikan pula kepada Mufti kerajaan yang dilantik khas sebagai penasihat sultan dalam urusan agama.²⁵⁸

Dalam hukum Islam, bagi orang yang melakukan zina mereka akan dihukum rejam dan bagi pembunuh pula adalah hukuman mati. Menurut catitan Anderson dalam kunjungannya ke Deli tahun 1823, beliau menyatakan bahawa bukan sahaja pembunuh yang dijumpai hukuman mati, bahkan kes pencurian juga

²⁵⁸ Lukman Sinar (1991), *Sejarah Medan Tempo Doeloe*, *op. cit.*, h. 38

boleh membawa kepada hukuman tersebut.²⁵⁹ Dalam undang-undang Islam, hukuman seperti ini disebut sebagai qisas, iaitu pembelaan atau penebusan terhadap darah mangsa yang telah dibunuh. Yang berhak menjalankan hukuman tersebut adalah seorang hakim yang telah dilantik oleh sesebuah kerajaan Islam.

Hukuman tersebut dilakukan dengan cara mengikat dua tangan penjenayah dan memasukkannya kedalam sebuah lubang, lalu ditikam dengan sebatang tombak sampai mati dan langsung dikuburkan di dalam lubang tersebut, kecuali apabila diampunkan oleh sultan maka hukumannya boleh diringankan atau dimaafkan.²⁶⁰ Dengan terlaksananya hukuman Islam seperti ini maka kes-kes jenayah seperti ini sangat jarang sekali berlaku, kerana hukuman yang berat tersebut sangat ditakuti oleh semua orang.

Hukuman seperti ini berlangsung selama beberapa waktu lamanya dalam kerajaan Deli, akan tetapi setelah berlakunya campur tangan penjajah Belanda dalam kerajaan tersebut, maka terjadi pula perubahan dari sudut perundangan, hukuman seksa badan seperti diatas dilarang dan hukuman mati tidak boleh dilaksanakan kecuali dengan izin Belanda,²⁶¹ jika sekiranya Belanda tidak membenarkan hukuman tersebut maka, hukuman lain akan dijatuhkan seperti hukuman penjara seumur hidup dan sebagainya.

²⁵⁹ Lukman Sinar (1986), *Sari Sejarah Serdang 2*, *op. cit.*, h. 203

²⁶⁰ *Ibid*

²⁶¹ Lukman Sinar (1991), *Sejarah Medan Tempo Doeloe*, *op. cit.*, h. 37

Dari sudut lain pula pengamalan hukum Islam di dalam kehidupan harian masyarakat Melayu Deli adalah menjadi lumrah, dimana kehidupan berumah tangga telah diatur menurut hukum Islam, sehingga kehidupan masyarakat menjadi aman dan tenteram. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa masalah seperti perselisihan dalam sesebuah rumah tangga, maka sebagai jalan penyelesaiannya adalah dengan cara damai, iaitu dengan dihadiri oleh keluarga kedua belah pihak sebagai pengadil. Disamping itu hukum Islam juga telah dijalankan dalam masalah penyelesaian pusaka agar tidak terjadi pertelagahan di antara keluarga.

Dengan adanya pelaksanaan sistem seperti ini, maka kehidupan berumah tangga yang kucar kacir kembali menjadi harmoni. Begitu pula dalam masalah pembahagian harta pusaka yang diagihkan menurut hukum faraid sesuai menurut bahagian masing-masing tanpa ada unsur berat sebelah yang boleh menimbulkan permasalahan di dalam sesebuah keluarga. Selain daripada itu masih banyak lagi masalah-masalah lain yang telah diselaraskan dengan kaedah dan ajaran Islam.

4.4. PENGARUH ISLAM TERHADAP SISTEM PENDIDIKAN

Islam adalah agama yang sangat mementingkan masalah pendidikan dan ilmu pengetahuan. Perhatian Islam yang serius terhadap ilmu pengetahuan tidak dapat dinafikan lagi, kerana ianya adalah merupakan asas pembinaan insan serta tamadunya. Disamping itu ilmu pengetahuan juga merupakan suatu alat yang penting bagi mencapai kemajuan dan kebahagiaan, baik dari segi rohani mahupun jasmani.²⁶²

Sebelum agama Islam masuk ke alam Melayu, tidak pernah terdengar orang-orang cerdik pandai pun yang menulis serta mengarang kitab dalam bahasa Melayu. Hanya di Palembang (Sumatera Selatan) pernah dijumpai sebuah karangan yang ditulis dalam bahasa Melayu kuno yang bercampur dengan bahasa Jawa dan Sanskret. Tetapi setelah datangnya Islam, ramailah penulis-penulis Melayu tampil dengan karya-karya yang agung seperti Tun Seri Lanang, Hamzah Fansuri, Samsudin al-Sumatrani, Amir Hamzah, Abdullah Munsy dan lain-lain.²⁶³

Mereka adalah merupakan orang-orang Melayu pertama yang muncul sebagai pujangga dan sasterawan yang berperanan penting dalam pengembangan ilmu pengetahuan terhadap masyarakat Melayu. Mereka juga telah menghasilkan berpuluh-puluh karya yang bersifat keagamaan mahupun kesasteraan. Gaya

²⁶² Abdul Halim Hj. Mat Diah (1989), *Islam Dan Demokrasi Pendidikan*, Kuala Lumpur: ABIM, h.

²⁶³ Lah Husny (1986), *Butir-Butir Adat Budaya Melayu Pesisir Sumatera Timur*, *op. cit.*, h. 36

penulisan mereka juga telah dipengaruhi dengan gaya Islam, iaitu dengan menyebutkan “*Bismillah*” kemudian “*Alhamdulillah*” serta diiringi dengan “*Selawat*” keatas Nabi Muhammad S.A.W pada mukaddimah karangan mereka.²⁶⁴

Pada zaman penjajahan Belanda sistem pendidikan yang dijalankan adalah sistem pendidikan akademik. Sistem pendidikan seperti ini tidak dibuka untuk semua orang, akan tetapi pendidikan ini hanya dapat dirasakan oleh segelintir golongan manusia yang terdiri dari golongan bangsawan serta orang-orang kaya sahaja. Sementara itu pendidikan agama Islam dijalankan pula di surau-surau dan masjid-masjid yang bersifat terbuka untuk semua golongan.²⁶⁵

Pada peringkat awal sistem pendidikan yang diperkenalkan di Alam Melayu secara amnya adalah *berorientasikan* Islam, dimana al-Quran adalah merupakan mata pelajaran yang pokok dan utama. Pendidikan al-Quran ini biasanya dikendalikan oleh seorang lebai yang sedia mengajar para murid-muridnya dirumah kediamannya. Lazimnya guru tersebut, disamping mengajar al-Quran beliau juga mengajar sedikit tentang asas-asas fardu ‘ain, seperti hukum bersuci, tata cara wuduk dan solat.²⁶⁶

²⁶⁴ *Ibid*

²⁶⁵ Syamsudin Ali Nasution (1999), *Alwashliyah Dan Peranannya Dalam Dakwah Islamiah Di Indonesia*. Tesis Ph. D, Fakulti Sastera, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, h. 39

²⁶⁶ Wawancara Dengan Bapak Jimmi, *op. cit*

Lama-kelamaan sistem pendidikan Islam semakin maju dan tidak terhad kepada al-Quran dan fardu 'ain sahaja, akan tetapi berkembang kepada pelajaran menulis dan membaca kitab. Pendidikan seperti ini memudahkan bagi masyarakat Melayu untuk memahami lebih jauh tentang seluk beluk agama Islam. Dengan berbekalkan ilmu ini masyarakat Melayu lebih matang dan berpengalaman dalam bidang agama yang dianutinya, walaupun pada mulanya belum lagi terdapat *institusi* pendidikan yang *formal* seperti sekarang ini sebagai tempat belajar.

Surau dan Masjid adalah merupakan *institusi* pendidikan yang *formal* pada ketika itu, akan tetapi setelah tertegaknya kerajaan-kerajaan Islam, Maka sistem pendidikan diperbaharui lagi dengan menghadirkan guru-guru agama dari daerah luar. Kebanyakannya adalah dari Arab dan Parsi. Pada peringkat ini kadangkala aktiviti pendidikan dilakukan di istana, seperti di Melaka istana sultan berfungsi juga sebagai *institusi* pendidikan, perpustakaan, penyalinan dan pusat terjemahan.²⁶⁷

Perkembangan pendidikan Islam di Aceh sudah bermula sejak zaman kerajaan Pereulak lagi, kemudian berterusan sampai ke tahap kemuncaknya, iaitu pada zaman kerajaan Aceh sekitar abad ke 17 dan 18 Masihi. Bermula dengan pendidikan asas yang dilakukan di Masjid-Masjid dan di Meunasah atau Madrasah, kemudian dilanjutkan pula di Bale atau Dayah yang dianggap sebagai

²⁶⁷ Abdul Rahman (1997), *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, op. cit, h. 145

institusi pengajian tinggi ketika itu. Di samping itu Masjid juga mengambil peranan sebagai pusat pengajian tinggi seperti Masjid Baiturrahim dan Baiturrahman.²⁶⁸

Sebagaimana pendidikan Islam telah berkembang di kerajaan-kerajaan di seluruh Nusantara, maka di kerajaan Melayu Deli juga pendidikan Islam telah mendapat perhatian dari pihak Kesultanan Deli. Terutama di zaman pemerintahan Sultan Amaludin Sani Perkasa Alam yang sangat mementingkan masalah ilmu pengetahuan. Beliau sangat terkenal kerana sangat giat mengembangkan agama Islam di negerinya. Oleh kerana itu Sultan telah melantik Syaikh Hasan Ma'asum seorang ulama yang sangat tersohor ketika itu sebagai maha guru yang mengajar di Masjid merangkap Mufti kerajaan Deli.²⁶⁹

Selain daripada beliau masih banyak lagi ulama-ulama besar yang mengambil bahagian dalam memajukan pendidikan dalam kerajaan Deli dengan membuka pengajian-pengajian di Masjid mahupun di Madrasah, bahkan ada dikalangan mereka yang mendirikan pusat-pusat pengajian bagi memudahkan sistem pembelajaran. Di antara pusat pengajian yang terkenal di Deli adalah al-Jamiyatul Washliyah yang didirikan pada tahun 1930 M, oleh beberapa orang

²⁶⁸ *Ibid*

²⁶⁹ Admansyah, *op. cit.*, h.158

tokoh ulama negeri Deli yang tersohor ketika itu, seperti Syaikh Abdul Rahman Syihab, Syaikh Ismail Banda, Syaikh Arsyad Talib Lubis dan lain-lain.²⁷⁰

Zaman pemerintahan Sultan Maamun al-Rasyid, beliau telah menghebahkan sebidang tanah serta peralatan untuk membangun sebuah rumah anak yatim piatu di bawah pengurusan Alwashliyah. Ini merupakan salah satu usaha sultan yang ingin memajukan pemikiran dan pengetahuan rakyatnya. Dengan adanya peluang ini maka anak-anak yatim piatu yang selama ini tidak berpeluang untuk menerima pendidikan, boleh mengecapi pendidikan tersebut seperti kanak-kanak yang lain yang mempunyai ibu bapa. Yayasan ini di uruskan oleh Tuan Abu Samah bin Hj. Bahar.²⁷¹

Berkat daripada peranan penting mereka dalam mengembangkan ilmu pengetahuan, *institusi* yang didirikan tersebut telah banyak mengeluarkan para alim ulama yang meneruskankan perjuangan mereka. *Institusi* ini sekarang merupakan pusat pendidikan Islam terbesar di Sumatera Utara, bahkan *institusi* ini telah memiliki cawangannya di seluruh Indonesia. Selain al-Jamiyatul Washliyah terdapat pula beberapa buah maktab serta pusat pengajian Islam yang ikut serta menyumbangkan peranannya dalam penegembangan ilmu pengetahuan di kerajaan tersebut seperti Attawalib, Muhammadiyah dan lain-lain.

²⁷⁰ Ali Nasution (1999), *op. cit.*, h. 39

²⁷¹ Dokumen Lama (t.t), *op. cit.*, h. 87

Dari keterangan di atas dapat kita lihat bagaimana kesungguhan dan cintanya masyarakat Melayu tempatan terhadap ilmu pengetahuan. Diantara mereka ada yang merasa belum berpuas hati hanya dengan menuntut ilmu di negeri sendiri, oleh kerana itu mereka pegi merantau jauh ke negeri Arab seperti Yaman, Mekah dan Mesir. Setelah tamat belajar mereka akan kembali dan berkhidmat untuk mengembangkan dakwah Islamiah di tempat asal mereka. Mereka adalah sebagai penyambung misi ulama-ulama terdahulu yang telah menabur benih Islam di rantau ini.

Kenyataan ini sesuai dengan keterangan Vallentjin seorang sarjana Barat yang mengkaji tentang kehidupan masyarakat Melayu Sumatera Timur, beliau mengatakan bahawa masyarakat ini sangat cintakan ilmu, mereka sangat suka mempelajari bahasa mereka sendiri, iaitu bahasa Melayu. Kerana bahasa Melayu adalah sebagai bahasa resmi masyarakat tempatan dan juga sebagai bahasa pengantar di alam Melayu ketika itu. Disamping itu mereka juga berusaha untuk mempelajari bahasa Arab, kerana bahasa ini adalah sebagai *identity* agama Islam.²⁷²

²⁷² Lukman Sinar (2002), *op. cit.*, h. 17

4.5. PENGARUH ISLAM TERHADAP SISTEM KEMASYARAKATAN

Pada dasarnya sistem kemasyarakatan pesisir Sumatera Timur adalah merupakan kesatuan hukum yang berlandaskan kepada ikatan kesatuan wilayah atau daerah yang ditumpukan kepada dua ikatan iaitu:

1. Ikatan keturunan, iaitu sistem *parental* (persamaan kedudukan pihak ibu dan pihak bapa dalam keturunan).
2. Ikatan umum kemasyarakatan.

Kedua-dua ikatan diatas masing-masing diperkuat oleh ikatan kekerabatan dan ikatan hukum seperti hukum adat, peraturan kaum raja dan pantang larang.²⁷³ Dari sudut kehidupan pula masyarakat Melayu Sumatera Timur berlandaskan kepada beberapa tujuan penting iaitu seperti berikut:

1. Penghidupan, iaitu sesuatu yang berkaitan dengan masalah makanan, minuman dan lain-lain.
2. Kelanjutan hidup, iaitu masalah yang berkaitan dengan masalah kehidupan.
3. Perlindungan hidup, iaitu masalah pemeliharaan terhadap kehidupan dan penghidupan.²⁷⁴

²⁷³ Lah Husny (1986), *Butir-Butir Adat Budaya Melayu Pesisir Sumatera Timur*, *op. cit.*, h. 91

²⁷⁴ *Ibid*

Jikalau ditinjau dari segi susunan masyarakat Melayu di pesisir Sumatera Timur, terdiri dari dua golongan lapisan masyarakat yang saling berbeza,²⁷⁵ iaitu golongan bangsawan dan golongan rakyat biasa atau orang kebanyakan. Untuk golongan bangsawan biasanya gelaran diberikan sebagai petanda menurut tingkat dan martabat masing-masing, kerana tingkatan bangsawan tidaklah setaraf antara satu dengan yang lain.²⁷⁶

Adapun gelaran-gelaran bangsawan yang digunakan dalam kerajaan Melayu Deli adalah seperti berikut:

1. *Tengku*, yang berhak untuk menerima gelaran ini adalah putera dan puteri Sultan dan juga keturunannya dari anak lelaki atau cucu Sultan daripada puteranya.²⁷⁷ Gelaran *Tengku* juga dapat diartikan sebagai pemimpin atau guru dalam hal agama, akhlak dan adat. Istilah gelaran ini adalah dibawa dari kerajaan Siak sekitar tahun 1857 M.²⁷⁸
2. *Raja*, gelaran ini diberikan kepada seorang pemimpin dari kerajaan lain dan berkahwin dengan anak perempuan Sultan yang bergelar *Tengku*, maka anak hasil dari perkahwinan keduanya berhak memakai gelaran *Raja*.²⁷⁹

²⁷⁵ Zulyani Hidayah (1996), *Ensiklopedi Suku Bangsa Melayu Di Indonesia*, Jakarta: LP3ES, h.

²⁷⁶ Dokumen Lama, *op. cit.*, h. 111

²⁷⁷ Lukman Sinar (2002), *Kebudayaan Melayu Sumatera Timur*, *op. cit.*, h. 184

²⁷⁸ Dokumen Lama, *op. cit.*

²⁷⁹ Lukman Sinar (2002), *Kebudayaan Melayu Sumatera Timur*, *op. cit.*

3. *Datuk*, gelaran Datuk asalnya adalah gelaran yang dianugerahkan oleh Sultan Aceh terhadap pembesar-pembesar kerajaan Deli, iaitu Datuk-Datuk yang mempunyai *otonomi* wilayah pemerintahan yang bersempadan di antara dua batang sungai.²⁸⁰ Datuk-Datuk yang dimaksudkan adalah Datuk Empat Suku, iaitu kepala urung dan keturunannya.
4. *Wan / Megat*, jika seorang lelaki dari keturunan Datuk atau Orang Kaya ataupun orang kebanyakan berkahwin dengan wanita yang berketurunan Tengku, maka anak yang lahir dari kedua pasangan tersebut diberi gelaran Wan atau Megat.²⁸¹
5. *Aja*, iaitu gelaran bagi anak perempuan Datuk.²⁸²
6. *Orang Kaya*, gelaran diberikan kepada orang-orang tertentu oleh Raja ataupun Datuk.²⁸³

Dalam Islam gelaran seperti ini hanyalah sebagai simbolik sahaja. Pada kenyataannya manusia adalah sama di sisi Allah S.W.T, iaitu sama-sama dituntut untuk mematuhi perintah Allah dan menjauhi larangannya. Sebab itu di dalam agama Islam tidak terdapat sistem khidupan berkasta seperti Hindu. Kehidupan masyarakat disesuaikan dengan ajaran Islam yang berdiri di atas kesamaan dan persaudaraan tanpa ada perbezaan antara satu dengan yang lain. Oleh kerana itu

²⁸⁰ Dokumen Lama, *op. cit*

²⁸¹ Lukman Sinar (2002), *Kebudayaan Melayu Sumatera Timur, op. cit*

²⁸² *Ibid*

²⁸³ *Ibid*

kehidupan masyarakat Melayu Deli dapat disesuaikan dengan ajaran Islam, terutama dalam hal-hal yang berhubungan kait dengan kehidupan berumah tangga.

Seperti halnya apabila terjadi salah faham antara suami dan isteri, maka ahli keluarga kedua belah pihak akan dipanggil untuk mendamaikan keduanya. Demikian pula apabila terjadi salah faham dalam masalah pembahagian harta pusaka, maka iainya akan dapat diselesaikan dengan memperkenalkan kepada mereka sistem warisan yang telah ditetapkan oleh Islam.

Hal ini sejalan dengan ajaran Islam bagi menyelesaikan masalah yang timbul dalam sesebuah keluarga, sebagaimana yang dijelaskan di dalam firman Allah di dalam surah al-Nisa' sebagai berikut:

{وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا }

Surah al-Nisa' (4) ayat: 35

Maksudnya:

“ Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara berdua (suami-isteri), maka lantiklah orang tengah (untuk mendamaikan mereka, iaitu) seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua orang tengah itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya

*Allah sentiasa mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuannya.*²⁸⁴

Bagi masyarakat Melayu Deli kehidupan bermasyarakat adalah sangat penting, kerana dengan adanya kehidupan bermasyarakat maka kehidupan manusia akan lebih teratur dan dapat membentuk manusia madani yang beradab dan berbudaya. Kehidupan bermasyarakat juga mendidik manusia untuk tidak membiasakan diri dengan sifat buruk seperti sombong, angkuh, bersikap kasar dan lain-lain. Untuk menjaga agar kehidupan bermasyarakat tetap terjalin dengan baik, maka di dalam setiap perkampungan masyarakat Melayu biasaya dilengkapi dengan beberapa kemudahan seperti berikut:

1. *Balai*, sebuah balai biasanya diketuai oleh seorang Penghulu. Balai biasanya digunakan sebagai tempat bermesyaurat dan untuk kepentingan-kepentingan yang berkaitan dengan masyarakat.
2. *Masjid / Surau*, rumah ibadah ini dilengkapi dengan seorang Imam dan Khatib. Masjid baru boleh didirikan di sebuah kampung apabila penduduknya melebihi empat puluh orang, iaitu had yang membolehkan untuk didirikan Solat Jumaat.
3. *Bilal*, biasanya disetiap kampung terdapat dua orang Bilal, seorang Bilal khusus sebagai muazzin di Masjid atau Surau dan seorang lagi Bilal yang khusus menangani masalah jenazah, disamping itu terdapat pula seorang Bilal wanita yang bertugas khas untuk jenazah wanita.

²⁸⁴ Abdullah Bin Muhammad Basmih, *op. cit.*, h. 192

4. *Penghulu Telangkai*, iaitu seorang yang dilantik sebagai penghubung rasmi bagi masyarakat yang ingin menjodohkan atau mengkahwinkan anak mereka. Tugas Penghulu Telangkai adalah sebagai wakil pihak lelaki untuk mengadakan risikan, pinangan dan sebagainya. Telangkai adalah bermaksud penghubung.²⁸⁵
5. *Padang Sukan*, padang ini berfungsi sebagai tempat melakukan *aktiviti-aktiviti* seperti sukan perhimpunan-perhimpunan.
6. *Tepian Mandi*, pada biasanya disetiap kampung akan dediaikan dua Tepian Mandi yang berasingan, sebuah khas untuk kaum lelaki dan sebuah lagi khas untuk kaum wanita.
7. *Tanah Wakaf (Perkuburan)*, perkuburan ini disediakan untuk masyarakat umum yang beragama Islam.²⁸⁶

Pemilihan terhadap Imam, Bilal dan Penghulu Telangkai adalah melalui mesyuarat kampung yang dipimpin oleh Penghulu yang diadakan di Balai. Balai adalah sebuah bangunan yang dibina khas untuk tempat bermesyuarat dalam menyelesaikan sesuatu masalah dan juga sebagai tempat penginapan bagi musafir yang perlu bermalam dan tidak mendapat tempat tinggal.²⁸⁷

²⁸⁵ Tengku Lukman Sinar (1994), *Adat Perkawinan Dan Tata Rias Pengantin Melayu*, Medan: Lembaga Pembinaan Dan Pengetahuan Seni Budaya Melayu (Satgas MABMI), h. 7

²⁸⁶ Dokumen Lama, *op. cit.*, h. 106

²⁸⁷ *Ibid*

Selain daripada itu untuk membina sebuah rumah juga perlu di sesuaikan dengan syariat Islam. Letak ruangan lelaki hendaklah terpisah dari ruangan perempuan.²⁸⁸ Bagi mereka yang sudah berkahwin adakanya memilih untuk mempunyai rumah tangga sendiri, dengan cara mendirikan sebuah rumah atau berpindah ke sebuah rumah yang baru setelah kelahiran anak pertama. Rumah untuk keluarga baru ini biasanya didirikan berdekatan tempat tinggal keluarga suami, kerana pada umumnya masyarakat Melayu menggunakan dasar keturunan *patrilineal* (keturunan bapa) bukan *matrilineal* (keturunan ibu)²⁸⁹

Ajaran seperti ini sudah dikenali di Nusantara ini jauh sebelum kedatangan Islam lagi. Syariat agama ini adalah menjamin kebersihan dalaman dan luaran rumah. Bentuk perhiasan atau ukiran-ukian dinding dan tiang tidak ada yang bermotifkan makhluk hidup seperti haiwan dan manusia, kerana ini tidak sesuai dengan ajaran dan kaedah Islam.

²⁸⁸ Lah Husny (1986), *Butir-Butir Adat Budaya Melayu Pesisir Sumatera Timur*, *op. cit.*, h. 65

²⁸⁹ Zulyani Hidayah (1996), *op. cit.*